

02/1
BAHASA MELAYU/P
Kertas 1
Ogos 2012
1 jam

BAHASA MELAYU

Tingkatan 3

Kertas 1
Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A,B,C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak


[Lihat halaman sebelah

Soalan 1 - 7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Baju yang selalu dipakainya itu sudah _____ jahitannya.
- A relai
 - B reput
 - C rapuh
 - D retas


Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Hadirin di dalam dewan itu ketawa _____ apabila melihat telatah lucu pelawak tersebut.
- A berderai-derai
 - B terkekeh-kekeh
 - C berjurai-jurai
 - D terkokol-kokol
- 3 Semua penonton bertepuk tangan _____ apabila penyanyi terkenal itu memulakan persembahannya.
- A kegirangan
 - B kekaguman
 - C kesenangan
 - D kehairanan

- 4 Kanak-kanak kelihatan berdedai-dedai pulang kerana hari telah _____ senja.
- A gelap-gelap
 - B samar-samar
 - C remang-remang
 - D balam-balam

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah ini.



- 5 Bunyi radio itu amat kuat sehingga _____ telinga.
- A membingitkan
 - B menyesakkan
 - C menyendatkan
 - D memanaskan
- 6 Kami menerima _____ makan malam daripada Datin Aini kerana meraikan kepulangan anak perempuannya dari luar negara.
- A arahan
 - B jemput
 - C pelawaan
 - D ajakan

- 7 Banyak orang menyatakan bahawa bencana alam yang berlaku ketika ini berpunca _____ kerakusan manusia memanipulasi sumber alam.
- A oleh
 - B dari
 - C pada
 - D daripada

Soalan 8 - 14

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B dan C. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan dalam ayat berkenaan.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 8 Wang sebanyak dua puluh ringgit telah diberi oleh ibu kepada Bee Kee
A B
untuk menjelaskan yuran peperiksaan. Tiada kesalahan.
C D
- 9 Senarai nama-nama pelajar yang akan menyertai lawatan ke Kuala Lumpur
A B
akan ditampal pada papan kenyataan. Tiada kesalahan.
C D
- 10 Majlis keramaian menyambut ulang tahun kemerdekaan negara diadakan di
A B
perkarangan Dataran Merdeka. Tiada kesalahan.
C D
- 11 "Beta menjunjung kasih kepada rakyat jelata yang mendoakan
A B
kesejahteraan beta," kata Sultan Mansur. Tiada kesalahan.
C D
- 12 Pengurusan syarikat itu perlu diperkemarkan agar syarikat itu tidak
A B
mengalami kerugian. Tiada kesalahan.
C D

- 13 Kami bergotong-royong untuk menghiaskan kelas kami dengan gambar-gambar pemandangan yang cantik lagi menarik. Tiada kesalahan.
- A
C C D
- 14 Masalah kemerosotan disiplin pelajar telah dibincangkan oleh jawatankuasa disiplin di dalam mesyuarat baru-baru ini. Tiada kesalahan.
- A B
C D

Soalan 15 - 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.

- 15 I Pada cuti semester nanti, Encik Adam akan *menebus* janji untuk membawa anak-anaknya ke Pulau Tioman.
- II Beberapa orang pekerja Jabatan Kerja Raya sedang *menebus* tanah ke dalam lubang yang dikorek itu.
- III Pasukan bahas sekolah kami berazam untuk *menebus* pertandingan pada masa akan datang.
- IV Kata-kata nasihat ibunya itu telah *menebus* ke dalam hati Zhong Ling.
- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D II, III dan IV sahaja

- 16 I Bilik itu **agak sesak** untuk menampung kami yang **seramai** lima orang.
II Orang tua itu **segera** dibawa ke hospital kerana **sesak** nafas.
III Para **penonton** **sesak** untuk masuk ke stadium itu .
IV Kehidupannya menjadi **sesak** akibat dibuang kerja **baru-baru** ini.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja.
- 17 I Pada hari *kelepasan*, dia kerap mengunjungi rumah saudara-maranya.
II Kerajaan mengumumkan *kelepasan* cukai pendapatan bagi pekerja yang bergaji rendah.
III Pada waktu *kelepasan* di sekolah, pelajar akan ke kantin untuk mengisi perut.
IV Guru-guru *kelepasan* universiti dan maktab berganding bahu menjayakan projek amal di kampung itu.
A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 18 – 21

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa dan mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 18 Cerpen yang memenangi hadiah pertama itu beliau karang berdasarkan pengalamannya.
- A beliau karang berdasarkan pada
 - B dikarang oleh beliau berdasarkan pada
 - C dikarang oleh beliau berdasarkan
 - D beliau karang berdasarkan
- 19 Kami sentiasa berdebar-debar menanti daripada sehari kepada sehari menjelang peperiksaan sebenar yang bakal dihadapi.
- A dari sehari ke sehari
 - B daripada hari ke hari
 - C dari hari ke sehari
 - D daripada sehari kepada sehari
- 20 Tiap orang yang mengunjungi ke kedai itu mendapat hadiah istimewa.
- A Setiap orang yang mengunjungi
 - B Setiap orang yang berkunjung
 - C Tiap orang yang berkunjung
 - D Tiap orang yang mengunjungi
- 21 Yang turut hadir dalam majlis keramaian itu ialah Perdana Menteri Malaysia.
- A Turut menghadiri majlis keramaian itu adalah
 - B Turut hadir di dalam majlis keramaian itu ialah
 - C Yang turut hadir dalam majlis keramaian itu adalah
 - D Yang turut hadir dalam majlis keramaian itu ialah

Soalan 22 – 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

22 Janet berasa amat bangga kerana berjaya menjadi juruterbang wanita yang pertama di negara ini mengendalikan pesawat kormesial.

A Kejayaan Janet mengendalikan pesawat komersial membolehkannya menjadi juruterbang wanita yang pertama di negara ini.

B Kejayaan Janet menjadi juruterbang wanita yang pertama mengendalikan pesawat komersial begitu membanggakan dirinya.

C Janet berasa bangga kerana telah berjaya menjadi juruterbang yang mengendalikan pesawat komersial yang pertama di negara ini.

D Juruterbang wanita yang pertama mengendalikan pesawat komersial di negara ini begitu membanggakan Janet.

23 Kerajaan perlu berusaha untuk meningkatkan kemudahan asas di kawasan luar bandar.

A Peningkatan kemudahan asas harus diusahakan oleh kerajaan di kawasan desa.

B Kelengkapan prasarana di kawasan pedalaman wajar diperhebat oleh kerajaan.

C Penyediaan kemudahan asas di luar bandar hendaklah diusahakan oleh kerajaan.

D Usaha harus dipertingkatkan oleh kerajaan untuk menyediakan kemudahan asas di luar bandar.

- 24 **Rakyat khususnya para belia disyorkan oleh kerajaan supaya menceburkan diri dalam bidang perniagaan.**
- A Semua rakyat terutamanya golongan belia **menyahut** seruan kerajaan supaya melibatkan diri dalam bidang perniagaan.
 - B Rakyat diseru oleh pihak kerajaan supaya turut melibatkan diri khususnya dalam bidang perniagaan.
 - C Menurut kerajaan, bidang perniagaan merupakan bidang yang perlu diceburi **oleh belia** kita.
 - D Kerajaan menyarankan agar rakyat, terutamanya golongan belia supaya membabitkan diri dalam bidang perniagaan.

Soalan 25 – 27

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 25
- I Abu menegaskan yang dia akan melanjutkan pelajaran di universiti tempatan.
 - II Mereka akan membincangkan hal-hal lain dalam mesyuarat itu.
 - III Buku yang kamu cari itu ada pada adik saya.
 - IV Baju itu belum berjahit lagi.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan IV sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

- 26 I Ketidakhadiran Cikgu Fatimah dalam majlis itu adalah disebabkan badannya yang kurang sihat.
II Pencemaran alam sekitar akan terus berlaku selagi manusia tidak menyedari akan kepentingan menjaga kebersihan.
III Kedai-kedai pakaian di ibu kota itu menjual baju-baju yang bermutu tinggi.
IV Cikgu Hadi sedang mengajarkan mata pelajaran bahasa Melayu kepada kami.

- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

- 27 I Terdapat pelbagai projek yang sedang dalam pelaksanaan.
II Penyus-penyus belimbing itu melaut selepas bertelur di pantai.
III Oleh sebab keletihan, ayah tertidur di atas sofa di ruang tamu.
IV Sesetengah pihak tidak mahu bekerjasama dengan polis bagi membanteras jenayah dalam kalangan pelajar.

- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 28 – 30

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

- 28 Anak raja itu gemar bergaul dengan rakyat jelata tanpa mengira kedudukan malahan baginda sangat gemar berkunjung ke kampung-kampung di kawasan pedalaman.

Keadaan ini menunjukkan bahawa situasi ini bersesuaian dengan peribahasa .

- A benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau
 - B ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya
 - C ikut resmi padi, makin berisi makin menunduk
 - D batu yang bergolek tidak akan menyimpan lumut
- 29 Peribahasa yang berikut berkaitan dengan usaha kecuali
- A yang bulat tak akan datang bergolek, yang pipih tak akan datang melayang
 - B di mana ada kemahuan , di situ ada jalan
 - C sehari selembat benang, lama-lama jadi kain
 - D jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya
- 30 Peribahasa ' tak dapat tanduk, telinga dipulas' mempunyai maksud yang hampir sama dengan
- A bunganya disunting perdunya ditendang
 - B cubit peha kanan peha kiri terasa juga
 - C tiada rotan akar pun berguna juga
 - D pukul anak sindir menantu

Soalan 31 -35

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

" Abah saya tukang gunting rambut. Masa muda, orang kampung panggil abah, Mat Gunting. Abah saya cukup terkenal di Kampung Batu 25, Bagan Datoh."

" Kadang-kadang orang-orang kampung panggil abah saya Uda Ahmad. Sekarang abah saya peneroka FELDA, tapi abah masih seorang penggunting rambut. Abah ambil upah gunting rambut apabila balik kerja dari ladang."

Itulah yang selalu diulang-ulang oleh anak perempuanku setiap kali orang bertanya siapa ayahnya.

Aku masih ingat kali pertama dia ke tadika. Dia menangis. Katanya, kawan-kawan ketawakan dia: Anak penggunting rambut! Puas aku memujuknya. Dia terlalu sedih. Jauh di sudut hati, aku turut bersedih. Barangkali anakku belum memahami harga sehelai rambut. Aku bercerita kepada Manis, betapa susahnya mencari wang di kampung. Aku mengambil upah bekerja di kebun kelapa. Pendapatan yang diperoleh tidak seberapa.

Aku terpaksa berusaha mencari pendapatan sampingan. Pekerjaan menggunting rambut inilah yang sedikit sebanyak membantuku sebelum merantau ke tanah FELDA.

" Kenapa abah teruskan juga menjadi penggunting rambut bila dah sampai ke sini?"

" Abah menghargai setiap usaha yang abah lakukan. Kau tahu Manis, sewaktu kali pertama abah belajar menggunting rambut, abah bulatkan segala keyakinan. Abah yakin dengan menggunting rambut, abah akan mendapat wang sampingan. Sekarang bagaimana abah harus meninggalkan rezeki yang Allah kurniakan menerusi jari-jari abah ini?"

Manis diam. Aku tahu Manis masih belum dapat memahami kata-kataku waktu itu. Dia terlalu kecil untuk memahami.

(Dipetik daripada cerpen *Anak Penggunting Rambut*,
Antologi Gema Sepi Gadis Genius, Tingkatan 2,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

31. Bagaimanakah 'aku' memujuk anak perempuannya agar berhenti menangis?
- A Meminta anaknya memahami pekerjaannya sebagai penggunting rambut
 - B Menceritakan kesusahan hidupnya sehingga dia terpaksa melakukan kerja sampingan
 - C Memberitahu anaknya bahawa mereka bergantung hidup pada pekerjaan itu
 - D Meminta anaknya bersabar dengan ejekan daripada teman-teman tadika
32. Mengapakah 'aku' masih meneruskan pekerjaan sebagai penggunting rambut walaupun telah menjadi peneroka?
- A kerana 'aku' menghargai bakat yang ada pada dirinya
 - B kerana hanya itu rezeki yang dikurniakan Allah kepadanya
 - C kerana 'aku' yakin dengan pekerjaan itu
 - D kerana pekerjaannya itu memberikan pendapatan sampingan
33. Berdasarkan cerpen, yang berikut merupakan perwatakan 'aku', **kecuali**
- A gigih berusaha membesarkan anaknya
 - B sangat menyayangi semua anaknya
 - C ikhlas dalam sebarang tindakan yang dilakukannya
 - D yakin akan setiap kerja yang diusahakannya

**Melekat beberapa helai rambutnya
di celah-celah jariku**

34. Apakah unsur gaya bahasa yang digunakan dalam ayat di atas?

- A Inversi
- B Simile
- C Repitasi
- D Personifikasi

35. Susun peristiwa yang berikut mengikut urutan yang betul.

- A Kawan Manis menelefon abah → telah lapan bulan Manis tidak balik
→ abah mengetahui Manis menghidap leukemia → abah berhenti
menjadi penggunting rambut
- B Abah mengetahui Manis menghidap leukemia → abah berhenti
menjadi penggunting rambut → telah lapan bulan Manis tidak balik
→ kawan Manis menelefon abah
- C Telah lapan bulan Manis tidak balik → kawan Manis menelefon abah
→ abah mengetahui Manis menghidap leukemia → abah berhenti
menjadi penggunting rambut
- D Abah mengetahui Manis menghidap leukemia → telah lapan bulan
Manis tidak balik → abah berhenti menjadi penggunting rambut
→ kawan Manis menelefon abah

Soalan 36 - 40

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

KIAN KITA LUPA

Kian kita lupa
pada usul jerih bangsa
bila mewah harta di birai mata

Kian kita lupa
pada derita moyang dahulu kala
bila asyik riak dan berbangga

Kian kita lupa
pada azab dan seksa di sana
bila Tuhan melimpahkan kurnia

Tetapi
kita hanya tak lupa
bila terlewat masa
untuk menyesali segala
terlanjur laku dan bicara
bahagia bertukar derita
gembira menjadi duka

ZULFAZIAN JUMRAH

(Dipetik daripada *antologi Kasut Kelopak Jantung*,
Tingkatan 1, Dewan Bahasa dan Pustaka)

36. Apakah faktor yang menyebabkan kita lupa akan balasan di alam akhirat?
- A Manusia asyik dengan urusan seharian masing-masing
 - B Manusia asyik mengejar harta dan kemewahan
 - C Manusia berbangga dengan kehebatan yang ada pada diri
 - D Manusia leka dengan limpahan nikmat Tuhan
37. Mengapakah manusia hanya tidak lupa apabila terlewat masa?
- A Mereka baru sedar akan kesilapan yang telah dilakukan
 - B Mereka takut menerima balasan di akhirat
 - C Mereka berhadapan dengan pelbagai masalah dalam kehidupan
 - D Mereka berasa derita dan kecewa hidup di dunia
38. Yang berikut merupakan sifat lupa seperti yang terdapat dalam sajak **kecuali**
- A lupa akan kesusahan bangsa
 - B lupa untuk menghargai jasa orang terdahulu
 - C lupa akan penderitaan yang ditanggung orang terdahulu
 - D lupa akan azab pada hari pembalasan
39. Sajak di atas mengemukakan nada berbentuk
- A romantis
 - B patriotik
 - C sinis
 - D melankolik
40. Sajak ini bertemakan
- A pesanan kepada yang sering terlupa
 - B kelalaian manusia akibat kesenangan yang dikecapi
 - C sifat lupa menggagalkan usaha seseorang
 - D kesedaran selepas sering lupa oleh kesenangan

KERTAS SOALAN TAMAT